




**KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA  
UNIVERSITI MALAYSIA  
PERATURAN DART**



**1. PERATURAN TEKNIKAL**

**1.1 NAMA**

1.1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Dart Individu Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM).

**1.2 PENYERTAAN**

1.2.1 Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf IPTA Malaysia.

**1.3 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN**

1.3.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan;

1.3.2 Setiap pasukan boleh mendaftarkan tidak lebih dari 8 orang pemain dan 2 orang pegawai (Pengurus dan Jurulatih).

1.3.3 Kejohanan ini mempertandingkan **TIGA (3)** acara iaitu acara *Foursome* (4 sepasukan), *Beregu (Double)* dan *Perseorangan (Single)*.

1.3.4 Setiap pemain hanya **DIBENARKAN** menyertai maksimum **DUA (2)** acara sahaja.

**1.4 MENARIK DIRI ATAU MENYERAH KALAH**

1.4.1 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia diguna pakai.

1.4.2 Semua pasukan yang bertanding mesti menghabiskan perlawanan peringkat kumpulan.

**1.5 BANTAHAN**

1.5.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia dan juga dengan merujuk kepada pihak penganjur.

## 2. PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.1 Semua pertandingan hendaklah mengikut Undang-undang Pertandingan Persatuan Dart Malaysia dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf IPTA Malaysia berserta dengan undang-undang dan peraturan yang disediakan oleh Pihak Penganjur.
- 2.2 Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran SUKUM.
- 2.3 Kecuali apa yang disebut dalam peraturan yang menguasai dalam peraturan ini maka undang-undang dan peraturan AM SUKUM adalah diikuti.

## 3. PAKAIAN PERTANDINGAN

- 3.1 Pemain hendaklah berpakaian kemas.
  - 3.1.1 Bermain tanpa memakai kasut, berseluar pendek atau menggunakan selipar atau memakai kemeja T tanpa kolar atau tanpa lengan adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

## 4. SISTEM PERTANDINGAN

- 4.1 Sistem pertandingan akan mengikut Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia dan peraturan pihak penganjur.
  - 4.1.1 Semua permainan dimulakan dengan "*straight start*" dan ditamatkan dengan "*double*";
  - 4.1.2 Di dalam permainan "*foursome*" dan beregu, pemain yang namanya tercatat sebagai pemain pertama akan memulakan permainan;
  - 4.1.3 Hanya dart yang melekat di "*dartboard*" diambilkira sebagai "*score*" setelah ketiga-tiga dart dibaling;
  - 4.1.4 Pemain **TIDAK DIBENARKAN** mencabut dart dari "*dartboard*" sehingga ia bersetuju dengan "*score*" yang diperolehi atau sebelum "*Caller/chalker*" membuat kiraan;
  - 4.1.5 Mana-mana salah kira yang dibuat oleh "*caller/chalker*" mengenai baki mata, pemain hendaklah memberitahu "*caller/chalker*" kesalahan berkenaan dan diperbetulkan sebelum pemain tersebut meneruskan balingannya. Sekiranya tidak ada sebarang bantahan yang dibuat oleh mana-mana pihak, maka

kesilapan itu akan ditetapkan sah dan sebarang perubahan atau "score" tersebut tidak akan dilayan;

- 4.1.6 Pengambilan minuman keras sebelum dan semasa pertandingan adalah **DILARANG** sama sekali. Mana-mana pasukan yang didapati melanggar peraturan ini akan disingkirkan daripada bertanding;
- 4.1.7 Bagi permainan di peringkat suku akhir dan seterusnya, Jawatankuasa Kecil Teknikal Pertandingan boleh menamatkan sesuatu perlawanan jika sekiranya mana-mana satu pasukan telah mencapai mata kemenangan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pengadil.

#### 4.2 **Format Permainan:**

- 4.2.1 Bagi pusingan awal, setiap peserta akan bermain di peringkat kumpulan.
- 4.2.2 Bagi format peringkat kumpulan, setiap peserta perlu bermain secara tiga *set/leg*. Pemenang akan ditentukan berdasarkan kiraan *set/leg* yang menang. Penentuan pemenang akan ditentukan berdasarkan kiraan samada 3-0 atau 2-1.
- 4.2.3 Pemenang bagi setiap perlawanan di peringkat kumpulan akan diberikan 3 mata manakala peserta yang kalah akan diberikan 0 mata.
- 4.2.4 Kiraan mata bagi setiap acara adalah seperti berikut:
- (i) 'Foursome' – (Kiraan 1,001 mata)
  - (ii) Beregu (*Double*) – (Kiraan 501 mata)
  - (iii) Perseorangan (*Single*) – (Kiraan 501 mata)

#### 5. RINGKASAN PENYERTAAN

PEMAIN	JURULATIH	PENGURUS PASUKAN	JUMLAH
8	1	1	10

## 6. RINGKASAN PINGAT

<b>BIL</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>EMAS</b>	<b>PERAK</b>	<b>3 &amp; 4</b>
1.	<i>Foursome</i>	1	1	2
2.	Beregu ( <i>Double</i> )	1	1	2
3.	Perseorangan ( <i>Single</i> )	1	1	2
<b>JUMLAH</b>		<b>3</b>	<b>3</b>	<b>6</b>